

♦ Doa ini diamalkan oleh Siti Aminah ketika mengandung Nabi Muhammad SAW. Beliau diberi kemudahan dan ketenangan oleh Allah SWT ketika melahirkan Baginda SAW :

**أَعِيذُهُ بِالْوَاحِدِ مِنْ شَرِّ كُلِّ حَاسِدٍ**

Maksudnya : "Aku memohon perlindungan kepadaMu Ya Allah Yang Maha Esa daripada kejahatan orang yang berhasad dengki kepada bayi ini".

♦ Anak Dalam Kandungan Dipelihara Allah

SWT:

"Ya Allah peliharalah anakku selama ia berada di dalam kandunganku dan sihatkanlah dia. Engkau adalah Zat Yang Menyihatkan, tiada ubat kecuali ubat daripadaMu yang tidak akan membawa sebarang penyakit. Ya Allah, bentukkanlah anakku di dalam kandungan dengan bentuk yang baik, tetapkanlah iman ke atasnya. Ya Allah keluarkanlah anakku dari kandunganku pada waktu aku melahirkannya nanti dengan mudah dan selamat. Ya Allah, jadikanlah dia orang yang sihat, sempurna, berakal, cerdas 'alim dan mengamalkan ilmunya. Ya Allah, panjangkanlah umurnya, sihatkanlah tubuh badannya, kurniakanlah kepadanya kefasihan dan kelancaran semasa bercakap dan merdukanlah suaranya untuk membaca al-Qur'an dan Hadith supaya mendapat berkat Nabi Muhammad SAW. Segala puji bagi Allah yang menguasai alam ini.

♦ Amalan Doa Sampingan :

al-Fatihah, ayat Kursi (al-Baqarah ayat 255), Surah Yaasin, Surat at-Taubah, Surah Yusuf (anak soleh, sihat, cantik dan sempurna), surah Maryam (anak sabar dan taat), Surah al-Luqman (anak taat), an-Nahl ayat 78, surah al-A'raf ayat 54 dan 189, Surah al-Anbiya' ayat 87 dan doa-doa lain dalam al-Furqan.

## AMALAN DOA MENJELANG KELAHIRAN BAYI

**لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ**

Maksudnya : "Sesungguhnya tiada Tuhan yang disembah melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolonglah daku). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri".

(Surah al-Anbiya' : ayat 87)

**حَنًّا وُلِدَتْ مَرْيَمَ وَمَرْيَمَ وُلِدَتْ عِيسَى  
أَخْرَجَ أَيُّهَا الْمَوْلُودُ بِقُدْرَةِ الْمَلِكِ  
الْمَعْبُودِ**

Maksudnya : "Siti Hanna melahirkan Siti Maryam dan Siti Maryam melahirkan Nabi Isa. Keluarkanlah Ya Allah anak yang akan dilahirkan ini dengan kekuasaan Allah, Zat Yang Menguasai dan Zat Yang Disembahkan".

**أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ  
شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ**

Maksudnya : "Aku memohon perlindungan dengan kalimah Allah yang sempurna daripada semua syaitan dan binatang-binatang yang berbisa dan daripada pandangan mata yang jahat".

(Riwayat Bukhari dan Ibnu Majah)

TERBITAN  
2009



## AMALAN & PERSEDIAAN MENGHADAPI SAAT-SAAT KELAHIRAN ANAK MENURUT ISLAM



### SABDA RASULULLAH SAW :

Daripada Anas RA, bersabda Baginda SAW: "Berkahwinlah kamu, lahirkanlah zuriat dan ramaikanlah (keturunan), sesungguhnya aku berbangga dengan ramainya kamu, (umatku) di hari kiamat".

(Riwayat Ahmad dan At-Tabrani)

Disediakan oleh :  
Unit Hal Ehwal Islam  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

SILA LETAKKAN RISALAH INI  
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA

## AMALAN SUAMI KETIKA ISTERI HAMIL

1. Suami perlu peka dan mengingatkan isteri berkenaan solat yang ditinggalkan (sebelum keluar darah nifas) dan membuat catatan bilangan solat yang ditinggalkan untuk diqada'kan oleh isteri selepas tamat nifas.
2. Suami hendaklah memperbanyakkan taubat kepada Allah SWT dan memperbanyakkan membaca al-Qur'an.
3. Kerap mengerjakan sembahyang berjemaah, digalakkan berpuasa sunat dan rajin menghadiri majlis ilmu.
4. Menghindari daripada pergi ke tempat-tempat yang tidak dibenarkan oleh syara'.
5. Dilarang terlibat atau memakan makanan yang haram.
6. Memperbanyakkan doa untuk keselamatan isteri yang sedang mengandung dan anak dalam kandungan.
7. Suami hendaklah mencurahkan kasih sayang, banyak bersabar, memberi sokongan dan bertimbang rasa sebagai teman hidup yang paling dekat dan rapat dengan isteri.
8. Hendaklah berlaku jujur, setia terhadap isteri serta hindari daripada bersikap kejam dan segera menyelesaikan perselisihan faham dengan isteri.
9. Pasangan perlu memohon maaf kepada semua ahli keluarga dan mereka yang dikenali dengan harapan tertebus segala dosa yang pernah dilakukan kepada manusia.
10. Bersedia membuat persiapan rohani, mental dan fizikal menghadapi alam baru sebagai ibubapa yang mithali.

## AMALAN DOA IBU HAMIL

- ♦ Doa Sayyidul Istighfar ( Pengampunan )
- اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتِطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتَ أَبُوءُكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذُنُوبِي فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya : "Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Engkau, Engkau telah menciptakan aku, dan aku hambaMu dan aku di atas tanggungan Engkau dan perjanjian Engkau, aku tidak berkuasa, aku berlindung kepada Engkau daripada kejahatan yang aku kerjakan, aku mengakui atas kurniaMu kepadaku, aku mengaku berdosa, maka ampunilah aku, sesungguhnya tidak ada yang mengampuni dosa-dosa kecuali Engkau".

(Hadith Riwayat an-Nasai)

- ♦ Doa Mohon Rahmat

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِدْهَانِنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ (٨) رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَأَرْيَبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ (٩)

Maksudnya : "Mereka berdo'a dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkaulah yang akan menghimpunkan sekalian manusia, untuk (menerima balasan pada) suatu hari (hari kiamat) yang tidak ada syak padanya. Sesungguhnya Allah tidak memungkirkan janjiNya."

(Surah ali-Imran: ayat 8-9)

- ♦ Doa Mohon Zuriat Yang Soleh :

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ (٣٨)

Maksudnya : "Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya: "Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisiMu zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan."

(Surah ali-Imran : ayat 38)

- ♦ Doa Supaya Anak Istiqomah Mengerjakan Solat :

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ (٤٠) رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ (٤١)

Maksudnya : "Wahai Tuhan kami! Jadikanlah aku orang yang mendirikan sembahyang juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku. Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibubapaku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan".

(Surah Ibrahim : ayat 40-41)

- ♦ Mohon Dikurniakan Anak Yang Soleh :

اللَّهُمَّ اجْعَلْ ذُرِّيَّتِي مِنَ الصَّالِحِينَ وَالْقَائِلِينَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : "Ya Allah, jadikanlah zuriatku ini dari kalangan orang yang soleh dan berjaya hidup dunia dan akhirat".

- ♦ Dikurnia Zuriat Yang Menyenangkan :

Maksudnya : "Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati kami dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertaqwa"

(Surah al-Furqan : ayat 74)